

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Tuan Anyi Ngau
(Baram)**

TARIKH : 6.11.2014 (Khamis)

NO. SOALAN : 11

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan rancangan Kerajaan dalam tempoh 2015-2020 bagi melaksanakan pembangunan luar bandar seperti pembinaan jalan, bekalan air serta elektrik dan kemudahan perumahan di kawasan Baram demi mencapai Wawasan 2020.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar pada setiap tahun secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan berdasarkan bajet yang diluluskan.

Kementerian sentiasa membuat perancangan untuk meningkatkan kemudahan asas di luar bandar seperti pembinaan jalan, bekalan air, bekalan elektrik dan kemudahan perumahan untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar.

Setiap permohonan yang diterima oleh Kementerian akan diteliti dan dipertimbangkan sewajarnya. Siasatan tapak untuk menentukan skop, spesifikasi dan anggaran kos akan dilakukan bersama agensi teknikal peringkat negeri dan daerah berserta pemimpin tempatan.

Seterusnya Kementerian akan mempertimbangkan permohonan ini mengikut keutamaan secara

berperingkat-peringkat berdasarkan bajet yang diluluskan oleh Kerajaan.